



**TEKS UCAPAN  
PERHIMPUNAN DBKU BERSAMA  
YANG BERBAHAGIA DATUK BANDAR KUCHING UTARA  
SEMPENA PERHIMPUNAN DBKU EDISI OGOS 2015  
5 OGOS 2015  
AUDITORIUM DBKU**

---

Bismillahirrahmanirrahim....

Terima kasih kepada saudari Pengerusi Majlis

Yang Berusaha Dr. Saadiah Haji Abdul Samat  
Pengarah Dewan Bandaraya Kuching Utara

Pegawai-Pegawai Kanan DBKU

Rakan Media

Serta seluruh warga kerja DBKU yang saya kasihi sekalian....

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.....

Salam sejahtera, Salam Satu Malaysia dan Salam 1 DBKU....

Alhamdulillah, syukur yang tidak terhingga dirafakkan kehadiran Illahi kerana dengan izinNya juga maka kita dapat berkumpul bersama-sama di pagi yang ceria ini dan hadir ke perhimpunan bulanan DBKU, Edisi bulan Ogos 2015.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

Sebagai pembuka bicara, pertama sekali saya ingin mengucapkan syabas, tahniah dan syukur atas kejayaan penganjuran Majlis Perasmian Hari Bandaraya Kuching Ke-27 yang telah berlangsung dengan jayanya pada 1 Ogos 2015 (Sabtu) yang lepas.

Kejayaan penganjuran Sambutan Hari Bandaraya Kuching Ke-27 tersebut adalah bukti usaha keras dan kerjasama seluruh warga kerja DBKU tanpa mengira pangkat dan kedudukan. Kepada seluruh warga kerja yang telah bekerja keras sepanjang tempoh persiapan dan berlangsungnya majlis tersebut terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan atas kerjasama, sumbangan dan komitmen yang telah anda semua berikan.

Untuk makluman warga kerja sekalian, sambutan warga kota Kuching ke Pesta Laksa, *City Day Ride* dan juga Festival Tarian Tradisional Sarawak juga sangat menggalakkan, walaupun dalam keadaan hujan lebat mereka tetap hadir beramai-ramai dan bersama-sama menyerikan dan memeriahkan lagi pelbagai aktiviti sampingan yang kita adakan sempena Sambutan Hari Bandaraya Kuching Ke-27.

Ini menunjukkan bahawa warga kota sangat menyokong kita dalam apa jua yang kita lakukan. Sesungguhnya, tanpa kehadiran dan sokongan daripada warga kota, DBKU tidak akan berada pada tahap yang kita ada sekarang ini. Momentum sebegini seharusnya dikekalkan agar kita sentiasa mendapat sokongan dan komitmen padu daripada seluruh warga kota.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Seperti yang kita semua sedia maklum, di Majlis Perasmian Hari Bandaraya Kuching yang ke-27 yang lepas, Bandaraya Kuching telah diisytiharkan sebagai Bandaraya Perpaduan. Pengisytiharan ini merupakan pengiktirafan yang julung kalinya diterima oleh sesebuah bandar raya dan buat pertama kalinya Bandaraya Kuching telah mendapat penghormatan untuk diisytiharkan sebagai Bandaraya Perpaduan oleh Yayasan 1Malaysia (*1Malaysia Foundation*) dan ianya juga telah dizahirkan dan disaksikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak.

Kita seharusnya berasa bangga kerana pengiktirafan yang telah kita terima adalah sangat berprestij dan kita sebagai warga Bandaraya Kuching seharusnya berasa amat bangga dengan pencapaian dan status yang telah diperolehi iaitu Bandaraya Perpaduan.

Sehubungan itu, pada kesempatan ini, saya ingin menyeru kepada seluruh warga kerja Dewan Bandaraya Kuching Utara serta warga Bandaraya Kuching agar bersama-sama menjaga kesejahteraan dan perpaduan antara kita di Bandaraya Kuching ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya dimaklumkan bahawa sekali lagi pada 31 Julai yang lalu nama Dewan Bandaraya Kuching Utara telah diharumkan apabila Kumpulan KIK kita iaitu MAREQ (Bahagian VAL dan ICT) menempa nama dengan mendapat Naib Johan Kategori Pihak Berkuasa Tempatan (Pengurusan) di Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Zon PBT 2015 yang telah diadakan di Mukah. Di konvensyen yang sama juga, Kumpulan KIK DBKU daripada Bahagian IMT dan ENG iaitu Kumpulan IMTENG telah mendapat Tempat Ketiga pula bagi kategori Pihak Berkuasa Tempatan (Teknikal). Syabas dan Tahniah saya ucapkan kepada kedua-dua kumpulan KIK ini.

Selain itu, pada pagi ini juga kita akan menyampaikan sijil penghargaan kepada 14 orang penderma yang telah menderma buku kepada Perpustakaan Bandaraya kita. Namun begitu, saya difahamkan hanya seorang penderma sahaja yang dapat hadir pada pagi ini. Adalah menjadi harapan saya, agar lebih banyak lagi penderma-penderma buku di luar sana sudi menderma buku di Perpustakaan Bandaraya kita bagi menambah koleksi buku-buku di sana. Sesungguhnya budi dan jasa baik penderma-penderma sekalian akan memberi manfaat yang banyak kepada warga kota kita juga baik masa sekarang mahupun masa akan datang.

Pada pagi ini, tidak lupa juga kepada 2 orang warga kerja DBKU yang akan bersara pada bulan ini iaitu Encik Sakup Bin Ahmad dan Puan Montiaru Binti Aden daripada Bahagian LNP kedua-duanya. Saya difahamkan kedua-dua Encik Sakup Bin Ahmad dan Puan Montiaru Binti Aden akan menerima Sijil Penghargaan dan Cenderamata khas sebagai tanda terima kasih daripada DBKU. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Encik Sakup Bin Ahmad dan Puan Montiaru Binti Aden atas kesetiaan memberikan khidmat bakti kepada DBKU selama ini.

Sebelum mengundur diri, kepada seluruh warga kerja yang saya kasihi sekalian, teruskanlah khidmat bakti anda kepada DBKU. Berikanlah perkhidmatan dan komitmen yang terbaik kepada organisasi dan juga warga Bandaraya Kuching. Anda semua perlu berganding bahu dan terus berusaha bagi mengekalkan apa yang telah ada sekarang. Saya percaya warga kerja DBKU telah dan akan sentiasa melakukan yang terbaik demi kepentingan mendatang. Ini adalah sangat penting agar kita terus melakar kejayaan demi kejayaan pada tahun ini.

Sekian....

Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh....